



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SESI LIBAT URUS ANTARA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) BERSAMA PESAWAH BERKAITAN ISU PEMUTUAN PADI

ALOR SETAR, 13 MAC 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama pesawah negeri Kedah pada 11 Mac 2026 bagi membincangkan isu pemutuan padi yang menjadi kebimbangan utama pesawah di negeri ini. Program SLU ini berlangsung di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) melibatkan kira-kira 50 orang pesawah dari pelbagai wilayah jelapang padi di bawah MADA. Pihak BERNAS juga turut dijemput untuk menyampaikan taklimat berhubung proses pemutuan padi sebenar bagi meningkatkan kefahaman pesawah terhadap kaedah pelaksanaan ini yang diguna pakai di peringkat kilang.

Sesi ini diadakan sebagai platform bagi KPKM mendapatkan input secara langsung daripada pesawah yang berhadapan dengan isu pemutuan padi semasa menjual hasil tuaian mereka. Maklum balas tersebut akan membantu Kementerian dalam menilai keadaan semasa dan seterusnya menetapkan hala tuju yang lebih berkesan berkaitan pelaksanaan pemutuan padi sebenar demi melindungi kepentingan pesawah serta memastikan kestabilan industri padi dan beras negara.

Selain itu, *Task Force* Kawalselia Padi dan Beras Zon Utara telah digerakkan bermula 16 Februari 2026 bagi melaksanakan pemantauan khas terhadap pelaksanaan pemutuan sebenar padi Musim 1/2026 di Kedah. Langkah pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan bagi melindungi kepentingan pesawah serta memastikan keterjaminan makanan negara terus terpelihara.

KPKM menegaskan bahawa isu pemutuan padi dan pemerksaan industri beras tempatan memerlukan kerjasama berterusan dan komitmen keseluruhan semua pihak dalam ekosistem industri padi dan beras agar setiap dasar dan keputusan yang dilaksanakan adalah adil, seimbang serta menyokong keterjaminan makanan negara secara mampan.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

